

**AKHBAR-AKHBAR TAMIL DAN PEMIKIRAN  
TENTANG KAUM INDIA DI TANAH MELAYU,  
1946 – 1960**

**GANESAN A/L SHANMUGAVELU**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**AKHBAR-AKHBAR TAMIL DAN PEMIKIRAN  
TENTANG KAUM INDIA DI TANAH MELAYU,  
1946 – 1960**

**OLEH**

**GANESAN A/L SHANMUGAVELU**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi memperoleh  
Ijazah Doktor Falsafah**

**OGOS 2015**

## **PENGAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

OGOS 2015

GANESAN A/L SHANMUGAVELU

S-HD0026/08(R)

## **PENGHARGAAN**

Saya amat bersyukur kepada Tuhan di atas rahmat dan petunjuknya, telah memberi kekuatan minda dan tenaga untuk menyempurnakan kajian ini.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan Hadiah Latihan Biasiswa (HLP) secara sambilan kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat kedoktoran dalam bidang sejarah. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dato' Dr.K. Anbalakan yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi dan memberi nasihat-nasihat yang sangat berguna sepanjang saya menjalankan kajian sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Budi dan jasa beliau akan saya kenang sepanjang hayat.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang memberi nasihat-nasihat yang berguna kepada saya. Penghargaan khas ditujukan kepada Prof.Madya Datin Dr. Mahani Musa yang sentiasa meluangkan masa dan memberi pandangan serta cadangan yang sangat berharga sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Saya juga amat menghargai sokongan moral yang diberikan oleh rakan-rakan pensyarah di IPG Kampus Ipoh, khususnya Ketua Jabatan Ilmu Pendidikan, En. Zulkufli Mahayuddin yang sentiasa memberi motivasi kepada saya sepanjang saya menjalankan

kajian ini. Terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Unit Pengajian Tamil, IPG Kampus Ipoh yang membantu saya dalam memahami istilah-istilah bahasa Tamil yang terdapat dalam akhbar-akhbar Tamil.

Penghargaan juga saya tujukan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, kakitangan Perpustakaan Negara, kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, *National University of Singapore* dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh yang menghulurkan segala bentuk bantuan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada mendiang bapa saya P. Shanmugavelu yang banyak berkorban untuk kejayaan saya. Rasa terhutang budi juga ditujukan kepada ibu saya K. Muthunachi, yang sentiasa mendoakan kejayaan saya hingga ke tahap ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada isteri tersayang, M. Rathnamala yang sentiasa memberi inspirasi dan sokongan moral kepada saya. Penghargaan juga ditujukan kepada kakak saya, S. Saraswathy dan S. Sinnamah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Sokongan padu yang diberikan oleh keluarga telah memberikan saya keyakinan dan semangat untuk menyiapkan kajian ini.

**GANESAN A/L SHANMUGAVELU**

**680911-08-6055**

**OGOS 2015**

## **ISI KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Persoalan Kajian	13
1.3	Objektif Kajian	13
1.4	Skop Kajian	14
1.5	Sorotan Literatur	15
1.6	Signifikan Kajian	39
1.7	Metodologi Kajian	39
1.7.1	Kajian Sumber Pertama	40
1.7.2	Kajian Sumber Kedua	40
1.8	Pembahagian Bab	41

<b>BAB 2: PERSURATKHABARAN TAMIL DI TANAH MELAYU</b>	<b>43</b>
2.1 Pengenalan	43
2.2 Faktor-Faktor Penglibatan Kaum India Dalam Bidang Persuratkhabaran	45
2.3 Perkembangan Awal Akhbar-Akhbar Tamil	64
2.4 Latar Belakang Akhbar-Akhbar Terpilih	83
2.4.1 <i>Tamil Nesan</i>	83
2.4.2 <i>Tamil Murasu</i>	90
2.4.3 <i>Jananayakam</i>	97
2.5 Kesimpulan	103
<b>BAB 3: PERBAHASAN TENTANG POLITIK KAUM INDIA</b>	<b>104</b>
3.1 Pengenalan	104
3.2 Kesedaran Politik Kaum India	106
3.3 Penubuhan Malayan Indian Congress( MIC )	119
3.4 Perkembangan Dan Perjuangan MIC	133
3.5 Kesimpulan	198
<b>BAB 4: KEWARGANEGERAAN KAUM INDIA DAN KESEDARAN ETNIK TAMIL</b>	<b>199</b>
4.1 Pengenalan	199
4.2 Soal Kewarganegaraan Kaum India	201
4.2.1 Syarat Kewarganegaraan	201
4.2.2 Isu Bahasa Melayu	221
4.2.3 Pendirian Kaum India	225
4.3 MIC Dan Soal Kewarganegaraan Kaum India	232

4.4.	Kaum India Dan Kesedaran Etnik Tamil	253
4.4.1	Bahasa Dan Kesusasteraan Tamil	253
4.4.2	Perpaduan Masyarakat Tamil	262
4.4.3	Perayaan Tamil	265
4.5	Kesimpulan	274
<b>BAB 5: ISU-ISU SOSIO-EKONOMI KAUM INDIA</b>		275
5.1	Pengenalan	275
5.2	Pendidikan Tamil	277
5.2.1	Permasalahan Sekolah Tamil	277
5.2.2	Peranan Ibu Bapa Dan Masyarakat	293
5.2.3	Isu Guru Sekolah Tamil	299
5.2.4	Laporan Razak	305
5.3	Tabiat Meminum Todi	309
5.4	Permasalahan Buruh India	324
5.4.1	Isu Gaji Buruh	324
5.4.2	Peranan Kesatuan Sekerja	333
5.4.3	Taraf Hidup Buruh	344
5.5	Kesimpulan	352
<b>BAB 6 : KESIMPULAN</b>		353
<b>BIBLIOGRAFI</b>		369

## **SENARAI JADUAL**

<b>Nombor Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Halaman</b>
2.1	Jumlah Buruh India Yang Bekerja Di Estet-Estet Di Tanah Melayu Antara Tahun 1906 hingga 1920	48
2.2	Pengaliran Masuk Imigran India Ke Tanah Melayu Antara tahun 1844 hingga 1941	52
2.3	Bilangan Sekolah Tamil Di Negeri-Negeri Selat Pada Tahun 1935	60
2.4	Jumlah Murid Sekolah Di Tanah Melayu Dari Tahun 1941 – 1953	61
2.5	Senarai Akhbar – Akhbar Tamil Yang Diterbitkan Dari Tahun 1875 hingga 1960	81
4.1	Bilangan Warganegara Persekutuan Melalui Pendaftaran Dari Tahun 1949 hingga 1954	229
4.2	Jumlah Warganegara Kaum India Berbanding Dengan Jumlah Penduduk Kaum India Di Tanah Melayu, 1949 – 1956	248
5.1	Bilangan Guru Di Sekolah-Sekolah Tamil Di Tanah Melayu, 1938 – 1960	302
5.2	Jumlah Buruh India Di Ladang-Ladang Di Tanah Melayu Pada 30 Jun 1947	328
6.1	Rumusan Kekerapan Laporan Akhbar-Akhbar Tamil Tentang Isu-Isu Kaum India Di Tanah Melayu, 1946 – 1960	363

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>Singkatan</b>	<b>Ungkapan Sebenar</b>
AMCJA	All Malayan Council for Joint Actions
AMICC	All Malayan Indian Congress Committee
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	British Military Administration
CIAM	Central Indian Association of Malaya
CLC	Communities Liasion Committee
FIO	Federation of Indian Organization
GLU	General Labour Union
IIL	Indian Independence League
IMP	Independence of Malaya Party
INA	Indian National Army
INC	Indian National Congress
MCA	Malayan Chinese Association
MDU	Malayan Democratic Union
MIA	Malayan Indian Association
MIC	Malayan Indian Congress
MPIEA	Malayan Plantation Industry Employers Association
MTUC	Malayan Trade Union Congress

MU	Malayan Union
NUPW	National Union of Plantation Workers
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMFTU	Pan Malayan Federation of Trade Unions
PPTM	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SIA	Selangor Indian Association
TRAS	Tamil Reform Association Singapore
TRC	Tamil Representative Council
UMNO	United Malays National Organization

## **AKHBAR-AKHBAR TAMIL DAN PEMIKIRAN TENTANG KAUM INDIA DI TANAH MELAYU, 1946 – 1960**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pemikiran akhbar-akhbar Tamil memainkan peranan dalam isu-isu kaum India di Tanah Melayu dari tahun 1946 hingga 1960. Penilaian ini dibuat dengan memfokuskan tiga buah akhbar Tamil iaitu *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* dan *Jananayakam*. Penilaian adalah berdasarkan pemikiran ketiga-tiga akhbar Tamil tersebut dalam isu-isu kaum India seperti kesedaran politik, penubuhan dan perjuangan MIC, soal kewarganegaraan kaum India, peranan MIC dalam soal kewarganegaraan, kesedaran etnik Tamil, pendidikan Tamil, tabiat meminum toddi dan permasalahan buruh India. Kajian ini mendapati bahawa pemikiran akhbar *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* dan *Jananayakam* yang diterjemahkan melalui ruangan rencana pengarang telah memainkan peranan penting dalam isu-isu kaum India serta memberi dorongan kepada kaum India untuk memperjuangkan hak mereka di Tanah Melayu. Pemikiran ketiga-tiga akhbar tersebut yang disampaikan melalui pandangan, cadangan, kritikan, teguran dan desakan telah memberi kesedaran kepada kaum India supaya sentiasa bersatu padu dan bekerjasama dalam menuntut dan memperjuangkan hak mereka serta mengekalkan identiti India di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pemikiran akhbar-akhbar Tamil tidak dapat mengubah sesuatu dasar kerajaan atau sikap individu secara menyeluruh misalnya dalam isu pendidikan Tamil, gaji buruh dan tabiat meminum toddi. Kajian ini disempurnakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian perpustakaan dan arkib dengan merujuk kepada sumber pertama dan sumber kedua.

## **TAMIL NEWSPAPERS AND THEIR THINKING ON INDIANS IN MALAYA, 1946 – 1960**

### **ABSTRACT**

The aim of this research is to study the thinking of Tamil newspapers and their role on issues related to Indians in Malaya from 1946 to 1960. The assessment is made by focussing on three Tamil newspapers, namely *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* and *Jananayakam*. It is based on the thinking of the three Tamil newspapers on issues related to Indians such as political awareness, establishment and struggles of MIC, Indian citizenship, MIC's role on citizenship, Tamil ethnic awareness, Tamil education, habit of consuming toddy and problems concerning Indian labourers. The findings of this study show that the thinking of *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* and *Jananayakam* had played important roles on issues related to the Indians in Malaya. The thinking of these newspapers which are translated through the editorials had encouraged the Indian community to voice their rights in Malaya. The thinking of the Tamil newspapers which were conveyed through views, suggestions, criticisms, exhortations and persistence, raised awareness among the Indians to stay united and work together in demanding and fighting for their rights and maintaining the identity of Indians in Malaya. However, the thinking of the Tamil newspapers was unable to change government policies or individual attitude as a whole in the issues concerning Tamil Education, labour wages and the habit of consuming toddy. This research is qualitative in nature and is approached through library and archival research using primary and secondary sources.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Kaum India merupakan salah satu kaum yang terbesar di Malaysia dan telah mempunyai hubungan sejarah dengan Tanah Melayu sejak beratus-ratus tahun dahulu. Namun kedatangan mereka ke Tanah Melayu dalam bilangan yang besar telah berlaku semasa penjajahan British. Menurut K.S.Sandhu:

*The period of modern Indian immigration into Malaya dates from the foundation of Penang in 1786, but it became a significant feature in Malayan demography only in the latter half of the nineteenth century following the consolidation of British power in Malaya.<sup>1</sup>*

Kebanyakan orang India yang datang ke Tanah Melayu adalah dari India Selatan dan mereka dibawa masuk untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah, tebu dan kopi serta bekerja di Jabatan Kerja Raya, Majlis Bandaran dan Keretapi.<sup>2</sup> Selain itu, kemasukan kaum India ke Tanah Melayu juga dapat dilihat dalam pelbagai bidang lain. Menurut M.R.Stenson:

*In addition to the labourers, who accounted for 75% of gainfully employed “Indians” in 1931, they came from many parts of India an assorted crowd of migrants seeking many types of employment: Marakkayar shopekeepers, Gujarati merchants, Chettiar bankers or money-lenders, Punjabi policemen and watch-keepers, Tamil and Malayalee administrators and clerk, lawyers, doctors and teachers.<sup>3</sup>*

---

<sup>1</sup> K.S. Sandhu, *Indians in Malaya : Some Aspects of Their Immigration and Settlement*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969, hlm.31.

<sup>2</sup> S. Arasarathnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, London : Oxford University Press, 1970, hlm. 14.

<sup>3</sup> M.R.Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, Queensland : University of Queensland Press, 1980, hlm. 26.

Pada awalnya, kaum India dibawa masuk ke Tanah Melayu bertujuan untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi British. Walau bagaimanapun perkembangan politik, sosial dan ekonomi yang berlaku di negara ini telah mengubah keadaan dan orang India telah menetap di sini.<sup>4</sup> Mengikut K.S.Sandhu :

*The Indians are becoming increasingly Malayanized, and it seems likely that as they tend to identify their interests with the future of the country they will assume an even greater role in its politico-economic development.*<sup>5</sup>

Sejak kedatangan ke Tanah Melayu, kaum India telah mengalami pelbagai perkembangan sosial, ekonomi dan politik serta membentuk satu kelompok masyarakat dengan budaya dan tradisi tersendiri di Tanah Melayu. Menurut K.S.Sandhu, buruh India juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara ini.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun kaum India juga telah berdepan dengan pelbagai isu dan masalah. Golongan buruh India menghadapi pelbagai masalah seperti upah yang rendah, tempat tinggal yang sesak, bekerja dalam usia yang muda, pengangguran, masalah tidi, kesihatan serta taraf pendidikan yang rendah.<sup>7</sup>

---

<sup>4</sup> K. Anbalakan, *Indentiti India di Malaysia*, Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm.1.

<sup>5</sup> K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement*, hlm.302.

<sup>6</sup> *Ibid* , hlm.245.

<sup>7</sup> G. Pusparaju, Sejarah Penubuhan MIC: Tumpuan Kepada Peranan Dan Sumbangan Pemimpin – Pemimpin MIC Dalam Meningkatkan Sosio-Ekonomi Masyarakat India (1970an hingga 1996), Latihan Ilmiah B.A.Hons, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 13.

Dari segi politik, kesedaran telah wujud dalam kalangan kaum India yang berpendidikan barat dan Tamil. Golongan ini telah memainkan peranan penting dalam isu-isu dan masalah berkaitan dengan kaum India. S.Arasaratnam, berpandangan bahawa:

*From very early on, Indian educated groups were concerned with the question of representation in the various Legislative Councils of the Straits Settlements and the Federated Malay States. The presence of an Indian member on the Federal Council and the S.S. Legislature did serve to highlight some of the problems Indian leaders were most concerned. There were some attempt to talk on questions concerning Indian labour. Alcoholism among labourers, the problem of Hindu marriages and their registration, and the minimum wage – these were some of the problems of labour on which Indian members made comments and asked question.<sup>8</sup>*

Pelbagai isu sosial, ekonomi dan politik yang wujud dalam kalangan kaum India di Tanah Melayu telah mendorong kemunculan golongan kelas menengah yang mula menyuarakan pendapat dan memperjuangkan nasib kaum India. Antara kaedah penting yang digunakan oleh mereka ialah dengan menulis pandangan mereka dalam akhbar. Sebenarnya akhbar telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan pemikiran politik kaum India di negara ini. Golongan kelas menengah ini juga telah menerbitkan akhbar-akhbar Tamil yang bertindak sebagai alat yang menyuarakan masalah kaum India di Tanah Melayu pada ketika itu.

Akhbar merupakan salah satu media utama dalam proses komunikasi dan memainkan peranan yang amat penting dalam membina sesuatu masyarakat di sesebuah negara. Akhbar bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyampai maklumat atau

---

<sup>8</sup> S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 85&87.

melaporkan berita-berita tentang kejadian-kejadian yang berlaku sama ada di dalam atau luar negara, malahan ia juga penting dalam proses mencetus dan seterusnya memupuk kesedaran sosial dan politik dalam kalangan pembacanya.

Menurut A.M.Iskandar, sebagai satu institusi penyebar maklumat, akhbar sangat berguna sebagai alat untuk mendapatkan perkhabaran, menyatakan pendapat, memberikan penerangan, membimbing, mendidik dan mempengaruhi masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan sosial.<sup>9</sup> Akhbar juga mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat dan ia berfungsi dalam melapor, mengupas dan kadangkala menilai dan mengkritik isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat.

Sebagai media massa, akhbar mempunyai kemampuan menyimpan segala maklumat secara kekal kerana media massa dapat mengimbangi masyarakat. Akhbar juga digunakan sebagai saluran penyebaran idea dan pemikiran baharu kepada masyarakat dan sering dilihat sebagai salah satu alat yang dapat membentuk persepsi mengenai realiti sosial dalam sesebuah masyarakat. Menurut Hermant Shah & Michael Thornton:

*News media are an important source of cultural production and information. Their representations of the social world provide explanations, descriptions and frames for understanding how and why the world works as it does.<sup>10</sup>*

---

<sup>9</sup> A.M.Iskandar Haji Ahmad,*Persuratkahabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1980, hlm.ix.

<sup>10</sup> Hermant Shah & Michael C.Thornton, *Newspaper Coverage of Interethnic Conflict*, U.S.A. Sage Publications,2004, hlm.19.

Kewujudan sesuatu akhbar lazimnya mempunyai bentuk dan sikap berdasarkan struktur sosial dan politik dalam sesebuah masyarakat yang mana ia wujud. Suasana semasa atau tuntutan semasa masyarakat juga turut mencorakkan nada dan bentuk akhbar. Dalam hal ini, pemahaman pelbagai aspek tentang masyarakat adalah perkara asas untuk memahami secara sistematik tentang bentuk akhbar.<sup>11</sup>

Akhbar juga boleh mempertinggikan perkembangan budaya, bahasa dan kesusastraan sesuatu masyarakat. Isi kandungan dalam sesebuah akhbar membolehkan para pembaca mengetahui tentang sesuatu perkembangan dalam masyarakat, baik mengenai perkara yang berkaitan dengan soal bahasa, agama, kesusastraan, sosio-ekonomi, politik, budaya dan sebagainya. Mengikut James Glenn Stovall:

*News gives us information in knowing what we should think about and how we should assess the things that happen to us and to those around us and about the issues that provide continuing debate and discussion about our society.*<sup>12</sup>

Masyarakat tidak dapat mengelakkan diri daripada membaca akhbar setiap hari. Akhbar juga merupakan salah satu alat yang dapat menghubungkan manusia dengan dunia sekelilingnya serta dapat mematangkan lagi pemikiran masyarakat. Akhbar seolah-olah merupakan salah satu dari sumber mental masyarakat dan merupakan salah satu keperluan masyarakat yang sangat penting dalam membimbing masyarakat ke matlamat yang positif.

---

<sup>11</sup> Abdul Latiff Abu Bakar, *Peranan Media Dalam Pilihanraya Persekutuan*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1998, hlm. 4.

<sup>12</sup> James Glenn Stovall, *Journalism: Who, What, When, Where, Why, How*, U.S.A.: Pearson Education, 2005, hlm.10.

Perkembangan pesat industri persuratkhabaran adalah selaras dengan fungsinya sebagai pembentuk dan penggerak pemikiran rakyat. Pelbagai persoalan dibicarakan oleh akhbar meliputi persoalan ekonomi, sosial, politik, kebudayaan, kenegaraan dan lain-lain yang berkaitan dengan masyarakat tempat akhbar itu diterbitkan. Dengan kata lain, akhbar memainkan peranan penting bagi menyebar dan menjelaskan dasar kerajaan, termasuk dasar politik, pendidikan, sosial, budaya, ekonomi, pertanian, kesihatan dan seumpamanya kepada rakyat.<sup>13</sup> Menurut E.Llyod Sommerland :

*The press makes a positive contribution to the development of political awareness. It assists public understanding of national and community problems and promotes public co-operation, both of which are essential for social progress.*<sup>14</sup>

Sebagai satu sumber dalam pengkajian sejarah, akhbar memainkan peranan dalam menggambarkan keadaan zaman lampau sesuatu masyarakat, terutama sekali apabila sumber-sumber lain tidak berupaya menjelaskan sesuatu situasi itu.<sup>15</sup> Dengan kata lain, akhbar adalah alat yang mencatatkan fakta-fakta sejarah tentang sebuah masyarakat.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup> Jeniri Amir, *Akhbar Politik Politik Akhbar*, Kuching : The Sarawak Press, 2007, hlm.38.

<sup>14</sup> E. Llyod Sommerland, *The Press in Developing Countries*, Australia : Sydney Universiti Press, 1996, hlm.56.

<sup>15</sup> Sila lihat Mohd.Sarim Hj.Mustajab, Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang : Sumbangan dan Peranannya Dalam Perkembangan Masyarakat, dalam Mohd.Sarim Hj.Mustajab, *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm.29.

<sup>16</sup> Sila lihat Ramlah Adam, Lembaga Malaya, 1934-1941, dalam *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur, Jilid No.8 (April), 1979, hlm.59.

Akhbar memainkan peranan dalam pembangunan negara kerana masyarakat boleh dipengaruhi, diubah dan dibentuk pemikiran melalui mesej yang disampaikan dalam isi kandungan sesuatu akhbar dan ia berkaitan dengan pemikiran sesuatu akhbar. Pemikiran akhbar dapat dilihat dalam isu-isu yang dibincangkan oleh pengarang akhbar dalam ruangan sidang pengarang atau minda pengarang. Kebiasaannya, isu-isu dalam ruangan ini sentiasa berdasarkan kepada pendirian sesebuah akhbar dan juga mencerminkan wacana yang ingin disampaikan oleh akhbar berkenaan.

Pemikiran adalah proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea dan membuat pertimbangan yang wajar bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.<sup>17</sup> Menurut S.Othman Kelantan pula, pemikiran ialah fikiran atau idea yang wujud daripada golongan intelektual yang telah menggunakan akalnya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau lingkungannya, dan pemikirannya itu disebarluaskan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya.<sup>18</sup>

Pemikiran juga merupakan idealisme seorang tokoh atau pemikir untuk disampaikan kepada masyarakatnya. Pada kebiasaannya, pemikiran melibatkan golongan intelektual yang menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyebarkan fikiran atau

---

<sup>17</sup> Som Hj.Nor & Mohd.Dahalan Mohd.Ramli, Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn.Bhd., 1998, hlm. 2.

<sup>18</sup> S. Othman Kelantan, *Pemikiran Satira Dalam Novel Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 8.

ideanya. Dalam konteks ini, sebagai golongan intelektual, pemikiran pengarang akhbar penting dalam membincangkan sesuatu isu tentang masyarakat. Sehubungan itu, pengarang akhbar akan menggunakan akhbar sebagai satu alat yang dapat menghubungkan manusia dengan dunia sekelilingnya serta dapat mematangkan lagi pemikiran masyarakat.

Menurut Muhammad Kamlin, segala pemikiran, sama ada baik mahupun buruk serta perasaan, emosi, persepsi, imej dan tindakan semuanya itu tercetus dari apa yang dikatakan '*activity of the mind*' atau jiwa.<sup>19</sup> Menurut R.Suntharalingam pula, sebagai sumber sejarah yang melaporkan pelbagai jenis kejadian manusia, akhbar juga mencerminkan pemikiran golongan-golongan tertentu dalam masyarakat.<sup>20</sup>

Sehubungan itu, pemikiran pengarang akhbar sangat penting dalam menyampaikan sesuatu mesej secara terus kepada masyarakat melalui penulisan dalam akhbar. Menurut Zulkipli Mahmud, pengarang-pengarang akhbar dan para wartawan melahirkan segala teguran, kecaman, saranan, cadangan dan pandangan adalah untuk kebaikan masyarakat dan di tuju kepada para pembaca dengan harapan menjadi tauladan dan diambil perhatian.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Muhammad Kamlin, *Pengantar Pemikiran Politik Barat*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986, hlm.15.

<sup>20</sup> R. Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur : Penerbit Merican & Sons. 1985, hlm. 31.

<sup>21</sup> Zulkipli Mahmud, *Warta Malaya 1930-1941. Latihan Ilmiah B.A.(Hons)*, Universiti Kebangsaan Malaysia , Bangi. 1976/77, hlm.iv.

Penerbitan akhbar dan majalah telah berkembang pesat di Tanah Melayu sejak abad ke-19. Perkembangan pesat ini adalah kerana akhbar mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat dan merupakan salah satu alat komunikasi penting yang menyalurkan pelbagai maklumat kepada masyarakat. Pertumbuhan dan perkembangan industri persuratkhabaran di Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu yang meliputi semua penerbitan berkala dan majalah adalah amat berkaitan dengan kehadiran orang-orang Eropah dan pengukuhan empayar Eropah di wilayah-wilayah rantau ini.<sup>22</sup>

Perkembangan akhbar di mana-mana negara berkait rapat dengan sejarah politik, ekonomi dan sosiobudaya serta mendokong pembangunan sosio-ekonomi di sesuatu negara. Sebelum kemerdekaan Tanah Melayu, akhbar memainkan peranan dalam membangkitkan semangat ingin membentuk identiti bangsa, agama dan kedaulatan negara, manakala selepas merdeka, akhbar banyak berkisar kepada kegiatan mengisi makna kemerdekaan seperti membantu usaha mengembangkan kesusasteraan serta menyatupadukan kaum ke arah pembangunan negara sejajar dengan falsafah kerajaan.<sup>23</sup>

Dalam konteks Malaysia, akhbar dapat memainkan peranan yang berkesan untuk mempengaruhi pendapat umum, membentuk sikap bertolak ansur, hormat-menghormati, serta memupuk kesedaran supaya masyarakat menyedari isu-isu penting seperti

---

<sup>22</sup> Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar Melayu Abad Ke-19*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm.19.

<sup>23</sup> Md.Salleh Kassim, *Kewartawanan: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm.4.

perpaduan nasional serta bertanggungjawab dalam menyatupadukan rakyat berbilang kaum.<sup>24</sup> Menurut E. Llyod Sommerland:

*The press in a developing country serves a multiplicity of purposes. It is a medium of news, the source of information about world, national and local events and a means of establishing mutual understanding. The press can create an understanding of community objectives and a civic consciousness which are the basis of democracy and social advancement and is an instrument of political, social and economic progress.<sup>25</sup>*

Penerbitan akhbar dan majalah di Tanah Melayu telah berkembang pesat pada abad ke-19 dan ia telah diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Akhbar Bahasa Melayu<sup>26</sup> yang diterbitkan ialah seperti *Lidah Benar*, *Cahaya Pulau Pinang*, *Edaran Zaman*, *Lembaga Malaya* dan sebagainya. Akhbar Bahasa Inggeris<sup>27</sup> pula ialah seperti *Prince Of Wales Island Gazett* dan *The Government Gazett*, akhbar Bahasa Cina<sup>28</sup> seperti *Lat Pau* dan *Sing Po* dan akhbar Bahasa Tamil<sup>29</sup> seperti *Uлага Nesan* dan *Singai Nesan*.

Kemunculan akhbar dalam pelbagai bahasa di Tanah Melayu adalah berkaitan dengan kemunculan masyarakat majmuk<sup>30</sup> di negara ini. Keadaan masyarakat majmuk di Tanah Melayu menyebabkan media massa menggunakan bahasa-bahasa berlainan untuk

---

<sup>24</sup> Jeniri Amir, *Akhbar Politik Politik Akhbar*, hlm.47.

<sup>25</sup> E. Llyod Sommerland, *The Press in Developing Countries*, hlm.66.

<sup>26</sup> Sila lihat Muhd.Yusof Ibrahim, Akhbar dan Majalah Ditinjau Dari Sudut Pensejarahan Melayu, dalam Mohd.Sarim Hj.Mustajab, hlm. 17-28.

<sup>27</sup> Sila lihat Khoo Kay Kim, English Newspapers in Malaya, 1900 – 1941: History and Historiography, dalam Mohd.Sarim Hj.Mustajab, hlm. 69-89

<sup>28</sup> Sila lihat Tang Eng Taik, Perkembangan Akhbar-Akhbar Cina di Malaysia, dalam Mohd.Sarim Hj.Mustajab , hlm. 90-113.

<sup>29</sup> Sila lihat Krishnan Maniam, Sejarah dan Perkembangan Akhbar dan Majalah India Sebelum dan Selepas Merdeka : Sumbangan Serta Peranannya Dalam Masyarakat India, dalam Mohd.Sarim Hj.Mustajab, hlm. 188-204.

<sup>30</sup> Masyarakat Majmuk bererti masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum (suku bangsa) atau bangsa. Sila lihat *Kamus Dewan – Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

menyampaikan maklumat mengenai isu-isu, institusi-institusi, kegiatan-kegiatan dan personaliti-personaliti yang berlainan kepada kelompok-kelompok etnik yang berlainan.<sup>31</sup>

Persoalan yang dibicarakan oleh akhbar pelbagai bahasa di Tanah Melayu meliputi permasalahan masyarakat berkaitan dengan isu-isu sosial, ekonomi dan politik masyarakat berkenaan. Sebagai contohnya, bagi masyarakat Melayu, akhbar *Utusan Melayu* diterbitkan dengan matlamat yang jelas iaitu menjadi pembela kepada bangsa Melayu yang pada waktu itu berada di bawah jajahan British. Ia bersendi atau berpolisi kepada berkhidmat kepada bangsa, agama dan watan.<sup>32</sup> Bagi masyarakat Cina pula, akhbar-akhbar Cina memainkan peranan yang penting dalam isu-isu berkaitan dengan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Sehingga akhir abad ke-19, akhbar-akhbar Cina dianjurkan dengan tujuan menyebarkan agama atau untuk memajukan kebudayaan.<sup>33</sup>

Dalam pada itu, akhbar-akhbar Tamil yang diterbitkan di Tanah Melayu pula menggambarkan perkara-perkara yang bersangkut paut dengan kaum India di negara ini. Sebagai contohnya, akhbar *Tamil Nesan* diterbitkan dengan tujuan untuk mengekalkan bahasa Tamil, adat dan budaya kaum India serta menyuarakan rungutan kaum India di Tanah Melayu terutamanya golongan buruh Tamil di ladang-ladang getah.<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Sankaran Ramanathan, Peranan, Organisasi dan Kandungan Akhbar-Akhbar Utama di Semenanjung Malaysia. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 49

<sup>32</sup> Sila lihat Camil Wijaya, Industri Persuratkhabaran Dengan Tinjauan Khusus Terhadap Utusan Melayu, dalam Mohd.Sarim Hj.Mustajab, hlm.255

<sup>33</sup> Sila lihat Tang Eng Taik, Perkembangan Akhbar-Akhbar Cina di Malaysia, dalam Mohd.Sarim Haji Mustajab, hlm.74.

<sup>34</sup> Sila lihat K. Baghavan, Tamil Nesan: Its Origin and Development, *Journal of The Malaysian Historical Society*, Volume 27, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 47.

Kaum India di Tanah Melayu juga terdiri daripada kelas menengah yang berpendidikan Inggeris. Bagi memenuhi keperluan golongan tersebut yang tidak mahir dalam Bahasa Tamil, tokoh-tokoh persuratkhabaran India juga terlibat dalam penerbitan akhbar Inggeris. Menurut K. Anbalakan, akhbar harian dalam bahasa Inggeris seperti *The Indian* dan *Indian Pioneer*, diterbitkan untuk memenuhi keperluan masyarakat India kelas menengah yang lebih selesa dengan Bahasa Inggeris.<sup>35</sup>

Satu lagi akhbar Inggeris yang diterbitkan oleh tokoh persuratkhabaran India ialah akhbar *Indian Daily Mail*. Akhbar ini sentiasa memberi liputan yang meluas dalam isu-isu kaum India dan sentiasa memperjuangkan hak buruh India dengan menyuarakan rasa tidak puas hati dan masalah buruh-buruh India di kawasan ladang. Dalam salah satu keluarannya, *Indian Daily Mail* mendedahkan bagaimana British mengeksplorasi buruh-buruh ladang tanpa perikemanusiaan.<sup>36</sup> Ini menunjukkan bahawa akhbar-akhbar Inggeris yang diterbitkan oleh kaum India juga memperjuangkan hak buruh-buruh India.

Pendek kata, akhbar-akhbar Tamil yang diterbitkan di Tanah Melayu sebelum merdeka telah memainkan peranan penting dalam membicarakan isu-isu sosial, ekonomi dan politik kaum India di Tanah Melayu. Pengaruh pemikiran dan wawasan tokoh-tokoh persuratkhabaran Tamil terus mencorakkan kehidupan kaum India sehingga kini. Akhbar-akhbar Tamil juga merupakan sumber sejarah yang penting untuk menilai kehidupan kaum India dan sumbangan serta peranan mereka di Tanah Melayu.

---

<sup>35</sup> K. Anbalakan, Pelopor Persuratkhabaran India di Malaysia: Pemikiran dan Wawasan. Dalam Abdul Rahman Hj.Ismail & Mahani Musa, *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun Ke-20*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm.102.

<sup>36</sup> *Indian Daily Mail*, 16 November 1946.

## **1.2 Persoalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh manakah pemikiran akhbar-akhbar Tamil memainkan peranan dalam isu-isu kaum India di Tanah Melayu antara tahun 1946 – 1960. Mulai abad ke-20, akhbar-akhbar Tamil telah muncul sebagai pembentuk pemikiran kaum India di Tanah Melayu. Peranan akhbar-akhbar Tamil dapat dilihat melalui usaha akhbar-akhbar Tamil dalam memperjuangkan sesuatu isu berkaitan dengan kaum India. Penilaian terhadap pemikiran akhbar-akhbar Tamil dalam isu-isu kaum India akan memberi satu penilaian menyeluruh tentang peranan akhbar-akhbar Tamil dalam memperjuangkan hak kaum India serta menjaga kepentingan mereka di Tanah Melayu.

## **1.3 Objektif Kajian**

Antara Objektif Kajian ini ialah:

- i. Mengesan sejarah perkembangan persuratkhabaran Tamil di Tanah Melayu secara keseluruhan dan latar belakang tiga akhbar terpilih untuk kajian ini.
- ii. Menilai pemikiran akhbar-akhbar Tamil dan peranannya dalam perkembangan politik kaum India di Tanah Melayu.
- iii. Menilai pemikiran akhbar-akhbar Tamil dan peranannya dalam soal kewarganegaraan kaum India dan kesedaran etnik Tamil.

- iv. Menilai pemikiran akhbar-akhbar Tamil dan peranannya dalam isu-isu sosio-ekonomi kaum India seperti pendidikan Tamil, tabiat meminum todi dan permasalahan buruh.
- v. Menganalisis dan menilai bagaimana pemikiran akhbar-akhbar Tamil memainkan peranan dalam isu-isu kaum India di Tanah Melayu.

#### 1.4 **Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada pemikiran akhbar-akhbar Tamil tentang kaum India di Tanah Melayu antara tahun 1946 hingga 1960. Akhbar-akhbar Tamil yang digunakan sebagai sumber utama kajian ini ialah *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* dan *Jananayakam*. Akhbar-akhbar ini dipilih kerana akhbar-akhbar ini diterbitkan untuk jangkamasa yang lama berbanding akhbar-akhbar lain dan telah memberi banyak sumbangan terhadap pembentukan sikap kaum India di Tanah Melayu melalui ruangan sidang pengarang, berita-berita dan rencana-rencana khas.

Tempoh masa kajian ini dipilih adalah dari tahun 1946 hingga 1960 kerana ia merupakan tempoh yang penting dalam sejarah tanah air khususnya berkaitan dengan perkembangan sosial, ekonomi dan politik kaum India di Tanah Melayu. Tempoh ini juga penting untuk menilai pemikiran akhbar-akhbar Tamil tentang isu-isu kaum India yang mula menunjukkan kesetiaan terhadap Tanah Melayu dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu bersama kaum-kaum lain.

## **1.5 Sorotan Literatur**

Memandangkan kaum India merupakan salah satu kaum terbesar di Malaysia, banyak kajian telah dijalankan tentang kaum India di negara ini. Kajian-kajian tersebut membincangkan pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan kaum India termasuk imigrasi, perburuhan, soal identiti, sosial, ekonomi dan politik.

Antara kajian awal tentang kaum India di Tanah Melayu telah dijalankan oleh K.S.Sandhu.<sup>37</sup> Beliau telah membincangkan tentang imigrasi kaum India ke Tanah Melayu serta penempatan mereka di negara ini antara tahun 1786 hingga 1957. Kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor yang membawa kepada imigrasi kaum India serta pengambilan buruh India untuk bekerja di Tanah Melayu. Selain itu, kajian ini juga memberi penekanan kepada penempatan kaum India di Tanah Melayu dari segi struktur dan pola penempatan serta penglibatan kaum India dalam sektor ekonomi di negara ini.

Sementara itu, S.Arasaratnam<sup>38</sup> pula telah menjalankan kajian tentang kaum India di Malaysia dan Singapura. Pelbagai isu telah diberi penekanan dalam kajian ini, meliputi hubungan India-Tanah Melayu, imigrasi kaum India, perkembangan politik kaum India, kesatuan sekerja, agama dan reformasi sosial kaum India, isu pendidikan serta perpaduan dalam kalangan kaum India.

---

<sup>37</sup> Sila lihat K.S.Sandhu, *Indians in Malaya : Some Aspects of Their Migration and Settlement*.

<sup>38</sup> Sila lihat S.Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*.

Dalam pada itu, M.R.Stenson<sup>39</sup> pula telah menghasilkan satu penulisan bertajuk *Class, Race and Colonialism in West Malaysia : The Indian Case.* Penulisan ini memfokuskan isu-isu kaum India di Tanah Melayu seperti peranan kaum India dalam ekonomi Tanah Melayu, isu buruh India, kaum India semasa pendudukan Jepun, parti *Malayan Indian Congress* (MIC), pertubuhan-pertubuhan India, penglibatan kaum India dalam Parti Komunis Malaya (PKM) dan peranan MIC dalam Parti Perikatan.

Selain itu, A.Rajeswary<sup>40</sup> telah menghasilkan satu kajian bertajuk *The Indian Minority and Political Change in Malaya.* Kajian ini membincangkan tentang evolusi politik kaum India di Tanah Melayu antara tahun 1945 hingga 1957. Tumpuan khusus kajian ini ialah terhadap struktur kelas dan etnik kaum India dan bagaimana ia memainkan peranan dalam perkembangan politik kaum India di Tanah Melayu. Kajian ini juga menilai evolusi politik kaum India dalam konteks perubahan politik dari zaman penjajahan hingga kemerdekaan serta respon kaum Melayu dan Cina terhadap perubahan politik dan perlombagaan di Tanah Melayu.

Sementara itu, R.Rajakrishnan<sup>41</sup> telah menjalankan kajian tentang amalan kasta dalam kalangan kaum India berketurunan Tamil di Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan terhadap struktur, persepsi dan pola amalan kasta, amalan kasta dalam perkahwinan serta organisasi-organisasi dan politik berasaskan kasta dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia.

---

<sup>39</sup> Sila lihat M.R. Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia : The Indian Case.*

<sup>40</sup> Sila lihat A. Rajeswary, *The Indian Minority and Political Change in Malaya : 1945 – 1957*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1981.

<sup>41</sup> Sila lihat R. Rajakrishnan, *Caste Consciousness Among Indian Tamils in Malaysia*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, 1984.

Dalam pada itu, R.Selvakumaran<sup>42</sup> pula telah menjalankan satu kajian tentang penglibatan buruh India dalam sektor perladangan di Malaysia. Kajian ini menilai kedudukan buruh ladang India dengan meninjau dimensi politik, ekonomi, sosial, psikologi dan institusi dari aspek persekitaran kerja dan kehidupan harian mereka. Keseluruhannya, kajian ini memfokuskan kepada buruh dan sektor perladangan semasa zaman kolonial, sektor perladangan dalam pembangunan ekonomi Malaysia, keadaan kerja buruh ladang, mogok buruh, peranan *National Union of Plantation Workers* (NUPW) serta buruh dan politik kebangsaan.

Penulisan tentang isu-isu kaum India juga telah dihasilkan oleh Muzaffar Desmond Tate.<sup>43</sup> Penulisan beliau memberi tumpuan terhadap sejarah, masalah dan masa depan kaum India di Malaysia. Fokus penulisan ini ialah terhadap sumbangan dan peranan kaum India di Tanah Melayu serta masalah-masalah kaum India dan implikasinya terhadap masa depan mereka. Selain itu, penulisan ini juga menilai kedudukan kaum India selepas kemerdekaan Tanah Melayu.

Selain itu, K.Anbalakan<sup>44</sup> pula telah menjalankan kajian tentang Identiti India di Malaysia. Kajian ini membincangkan proses pembinaan identiti etnik dalam kalangan kaum India di Malaysia, melalui proses sejarah yang membawa kepada kemunculan kesedaran etnik atau semangat keindiaan dalam kalangan orang India dan cara proses

---

<sup>42</sup> Sila lihat R. Selvakumaran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur : S.Abdul Majeed & Co., 1994.

<sup>43</sup> Sila lihat Muzaffar Desmond Tate, *The Malaysian Indians : History, Problems and Future*, Selangor : Vinlin Press, 2008.

<sup>44</sup> Sila lihat K.Anbalakan, *Identiti India di Malaysia*.

ini berfungsi sebagai penggerak di sebalik perjuangan-perjuangan untuk mempertahankan kepentingan politik, ekonomi dan sosial mereka di negara ini. Keseluruhannya kajian ini memfokuskan kepada identiti awal orang India, identiti buruh India selepas Perang Dunia Kedua, identiti imigran kepada komuniti politik, pembentukan identiti Tamil serta Dasar Ekonomi Baru dan identiti orang India.

Satu lagi penulisan tentang kaum India telah dihasilkan oleh Azaharudin Mohamed Dali.<sup>45</sup> Penulisan ini membincangkan sejarah masyarakat India di Malaysia, merangkumi orang Tamil, masyarakat Sikh, India Muslim, Peranakan India dan juga golongan Chettiar. Keseluruhannya, penulisan ini memberi fokus terhadap empat tema utama iaitu perkembangan masyarakat, aspek sosial, perkembangan politik dan hal-hal berkaitan dengan etnik dan identiti.

Keseluruhannya, kajian-kajian dan penulisan tentang kaum India di Tanah Melayu telah membincangkan pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan kaum India di negara ini. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak memberi tumpuan terhadap pemikiran dan peranan akhbar-akhbar Tamil dalam isu-isu kaum India di Tanah Melayu. Cuma kajian oleh A.Rajeswary dan K.Anbalakan menggunakan sumber akhbar Tamil dalam membicarakan isu-isu kaum India, namun pemikiran dan peranan akhbar Tamil dalam isu-isu berkaitan dengan kaum India tidak diberi tumpuan khusus. Kajian ini akan mengisi kekosongan tersebut.

---

<sup>45</sup> Sila lihat Azaharudin Mohamed Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2012.

Memandangkan akhbar merupakan salah satu sumber sejarah yang memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat di sesuatu negara, banyak kajian telah dibuat dalam bentuk tesis, latihan ilmiah, artikel jurnal, rencana, kertas kerja dan juga penulisan buku tentang perkembangan akhbar dan juga peranannya dalam masyarakat. Pengkajian tentang akhbar telah dipelopori oleh pengkaji-pengkaji dalam negara dan juga luar negara.

Kajian tidaklah terhad kepada mana-mana satu bahasa, malahan kajian telah dibuat tentang akhbar Melayu, akhbar Tamil, akhbar Cina dan akhbar Inggeris. Skop kajian yang dijalankan adalah pelbagai, sama ada memfokuskan kepada satu akhbar sahaja, beberapa akhbar, perbandingan antara akhbar, satu isu atau peristiwa sahaja, memfokuskan kepada isu sosial, ekonomi dan politik sesuatu kaum, fokus kepada aspek bahasa dalam akhbar, tokoh atau peneraju akhbar dan aspek-aspek lain. Pada keseluruhannya, kajian-kajian yang telah dijalankan ini mempunyai kelebihan dan keistimewaannya tersendiri.

Kajian tentang akhbar-akhbar Tamil di Malaysia telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dalam pelbagai bidang dengan memfokuskan pelbagai isu yang berlaku dalam masyarakat. Kajian awal tentang persuratkhabaran Tamil di Tanah Melayu telah dijalankan oleh Rajeswari Ampalavanar<sup>46</sup> dalam satu bab untuk tesis sarjana beliau. Bab 4 dalam kajian beliau yang bertajuk '*Journalism in the Indian Community in Malaya*'

---

<sup>46</sup> Sila lihat A. Rajeswary, Social and Political Developments in the Indian Community of Malaya, 1920-1941, Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 100-126.

telah memfokuskan perkembangan persuratkhabaran Tamil dalam kalangan masyarakat India di Tanah Melayu.<sup>47</sup>

Salah satu artikel berkaitan dengan akhbar-akhbar Tamil telah ditulis oleh John A.Lent.<sup>48</sup> Artikel ini membincangkan tentang perkembangan akhbar-akhbar Tamil secara umum serta peranan akhbar-akhbar Tamil dalam meningkatkan kedudukan politik, buruh, sosial dan intelektual kaum India di Tanah Melayu. Selain itu, artikel berkaitan dengan akhbar Tamil juga telah ditulis oleh K. Baghavan.<sup>49</sup> Penulisan beliau memfokuskan kepada akhbar *Tamil Nesan* dengan menumpukan kepada latar belakang penubuhan akhbar *Tamil Nesan* serta perkembangan dan peranan *Tamil Nesan* dalam pelbagai isu yang berkaitan dengan kaum India di Tanah Melayu.<sup>50</sup>

Sementara itu, Maheswary Marimuthu<sup>51</sup> pula telah menjalankan kajian tentang sejarah perkembangan akhbar-akhbar Tamil di Negeri Selangor selepas Perang Dunia Kedua sehingga 1957 dengan meninjau isu-isu sosial, ekonomi dan politik yang telah dipaparkan dalam rencana pengarang akhbar *Nawa Yugam*, *Janoobakari* dan *Sangamani*.

---

<sup>47</sup> *Ibid*, hlm. 100-126. Kajian ini mendapati penerbitan akhbar Tamil di Tanah Melayu adalah dipengaruhi oleh akhbar-akhbar di negara India. Kajian ini telah melihat perkembangan beberapa akhbar di Tanah Melayu secara umum seperti *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* dan *Desa Nesan* serta peranan tokoh-tokoh persuratkhabaran Tamil di Tanah Melayu secara sepintas lalu.

<sup>48</sup> Sila Lihat John A. Lent, Malaysian Indians and Their Mass Media, *Journal of South East Asian Studies*, Vol.12, No.3 December, 1973, hlm. 344-349.

<sup>49</sup> Sila Lihat K. Baghavan, Tamil Nesan: Its Origin and Development, *Journal of The Malaysian Historical Society*, 1984, hlm. 47 – 56.

<sup>50</sup> *Ibid*.

<sup>51</sup> Sila lihat Maheswary Marimuthu, Perkembangan Akhbar-Akhbar Tamil di Negeri Selangor Selepas Perang Dunia Kedua Hingga 1957, Latihan Ilmiah (B.A.Hons), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1987/88.

Salah satu artikel tentang akhbar dan majalah India telah dihasilkan oleh Krishnan Maniam.<sup>52</sup> Artikel ini membincangkan sejarah perkembangan akhbar dan majalah India sebelum dan selepas merdeka dengan memfokuskan kepada sejarah penerbitan akhbar Tamil di Tanah Melayu, perkembangan akhbar-akhbar Tamil serta membincangkan tentang isi kandungan akhbar-akhbar Tamil secara umum sahaja.<sup>53</sup>

Sementara itu, V. Chandrasekaran<sup>54</sup> pula telah membuat kajian tentang ciri-ciri pembaca akhbar-akhbar Tamil di kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia dengan memfokuskan kepada tanggapan pembaca-pembaca akhbar Tamil terhadap kategori-kategori berita yang dibaca serta meninjau perhubungan antara sifat-sifat demografi pembaca dengan tabiat membaca akhbar-akhbar Tamil.

Kajian tentang sejarah perkembangan akhbar-akhbar Tamil juga telah dilakukan oleh Mutharasu Krishnasamy<sup>55</sup> yang telah memfokuskan kepada sejarah perkembangan akhbar-akhbar Tamil di Tanah Melayu dari tahun 1921 hingga 1940. Kajian beliau memberi penekanan kepada penglibatan kaum India dalam bidang persuratkhabaran Tamil di Tanah Melayu dan isu-isu penting yang telah diutarakan dalam ruangan rencana pengarang akhbar-akhbar Tamil dari tahun 1921 – 1940.

---

<sup>52</sup> Sila Lihat Krishnan Maniam, Sejarah Dan Perkembangan Akhbar dan Majalah India, hlm. 188 – 204.

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> Sila Lihat V. Chandrasekaran , Satu Analisis Tentang Ciri-Ciri Pembaca Akhbar-Akhbar Tamil di Malaysia, Latihan Ilmiah B.A.(Hons), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang , 1988.

<sup>55</sup> Sila lihat Mutharasu Krishnasamy, Sejarah Perkembangan Akhbar-Akhbar Tamil di Tanah Melayu Dari Tahun 1921-1940, Latihan Ilmiah B.A.(Hons), Universiti Kebangsaan Malaysia,Bangi,1988/89.

Dalam pada itu, R. Kartigesu<sup>56</sup> pula telah menulis artikel tentang '*The Role of Tamil Newspapers in Ethnic Cultural Continuity in Contemporary Malaysia*'. Artikel ini telah memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Tamil di Malaysia dalam mengekalkan bahasa dan budaya kaum India di Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akhbar *Tamil Nesan*, *Tamil Osai* dan *Thinamani*.<sup>57</sup>

Isi kandungan atau berita dalam akhbar sering mendapat perhatian para sarjana. Dalam hal ini, K. Ramanathan<sup>58</sup> telah menulis satu rencana bertajuk "*The Tamil Press in Malaysia*". Rencana ini telah memfokuskan kepada berita-berita yang dipaparkan dalam akhbar *Tamil Nesan* dan *Malaysia Nanban* yang melibatkan kaum India di Malaysia.<sup>59</sup>

Selain itu K. Loganathan<sup>60</sup> telah menulis rencana bertajuk "*The Malaysian Tamil Press: Some Critical Comments*". Rencana ini juga telah memfokuskan kepada isi kandungan yang dipaparkan oleh akhbar *Tamil Nesan* dan *Malaysia Nanban* serta peranan kedua-dua akhbar tersebut dalam perkembangan kesusastraan Tamil di Malaysia.<sup>61</sup>

---

<sup>56</sup> R. Kartigesu, The Role of Tamil Newspapers in Ethnic Cultural Continuity in Contemporary Malaysia, *Sojourn*, Vol.4, No.2. August, 1989, hlm. 190 – 283.

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> K. Ramanathan, The Tamil Press in Malaysia, *Majalah Aliran*, Bil.12 (14), 1992, hlm.10-12.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> K. Loganathan, The Malaysian Tamil Press: Some Critical Comments, *Majalah Aliran*, Bil.12 (14), 1992, hlm. 13.

<sup>61</sup> *Ibid.*

Dalam pada itu, Tamil Maran Baldram<sup>62</sup> pula telah menjalankan kajian tentang sumbangan akhbar *Sangamani* terhadap sosio-ekonomi kaum pekerja ladang di Tanah Melayu sebelum merdeka. Pengkaji telah melihat tentang latar belakang akhbar *Sangamani* dan menganalisis isu-isu dalam akhbar *Sangamani* antara tahun 1952 - 1957 yang berkaitan dengan soal sosio-ekonomi golongan pekerja ladang.<sup>63</sup> Satu lagi kajian tentang akhbar *Sangamani* juga telah dijalankan oleh Mathuray Veeran Subramaniam.<sup>64</sup> Kajian beliau memfokuskan tentang isu-isu sosial dan ekonomi kaum India seperti yang dipaparkan dalam akhbar *Sangamani* antara tahun 1952 hingga 1995 serta sumbangan akhbar *Sangamani* terhadap perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia.<sup>65</sup>

Selain itu, Sumathi Selambaran<sup>66</sup> pula telah menjalankan kajian tentang sejarah perkembangan akhbar-akhbar Tamil dari tahun 1921-1940. Pengkaji telah memfokuskan kajiannya kepada latar belakang syarikat-syarikat akhbar Tamil di Tanah Melayu serta isu-isu penting dalam rencana pengarang akhbar-akhbar Tamil.

Akhbar-akhbar Tamil juga banyak menyiaran berita tentang wanita India. Dalam hal ini, Geetha Renganathan<sup>67</sup> telah menjalankan kajian tentang bagaimana wanita

---

<sup>62</sup> Sila lihat Tamil Maran Baldram, Akhbar *Sangamani* dan Sumbangannya Terhadap Sosio-Ekonomi Kaum Pekerja Ladang di Tanah Melayu Dari Tahun 1952 – 1957, Latihan Ilmiah B.A.(Hons), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1993/94.

<sup>63</sup> *Ibid*.

<sup>64</sup> Silat lihat Mathuray Veeran Subramaniam, Sejarah Penerbitan dan Perkembangan Akhbar *Sangamani* Dari Tahun 1952 hingga 1955, Latihan Ilmiah B.A.(Hons). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995/96.

<sup>65</sup> *Ibid*.

<sup>66</sup> Sila lihat S. Sumathi, Sejarah Perkembangan Akhbar-Akhbar Tamil Dari Tahun 1921-1940, Latihan Ilmiah B.A.(Hons). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1996/97.

<sup>67</sup> Sila lihat Geetha Renganathan, *Malaysia Namban: Kajian Terhadap Berita-Berita Wanita Dalam Akhbar Mingguan*, Jan 1987-Jan1997, Latihan Ilmiah B.A.Hons (Jabatan Pengajaran Media), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/89.

India dipotret dalam akhbar *Malaysia Nanban* dan sejauh mana sumbangannya dalam kemajuan kaum wanita India di Malaysia. Selain itu, akhbar-akhbar Tamil juga memainkan peranan dalam bidang kesusasteraan Tamil. Dalam hal ini, Velumoney Sathasivam<sup>68</sup> misalnya telah menjalankan kajian tentang peranan yang dimainkan oleh akhbar *Tamil Nesan* dalam perkembangan cerpen Tamil di Malaysia.

Dalam pada itu, Rajina Krishnan<sup>69</sup> pula telah membuat kajian tentang imej wanita yang dipaparkan dalam kartun editorial akhbar *Tamil Nesan* dengan memfokuskan dua aspek iaitu teks dan visual dengan menggunakan kaedah analisis teks. Kajian oleh Sellamuthu Kuppo<sup>70</sup> pula telah memfokuskan sejarah biografi seorang tokoh wartawan dan sumbangannya kepada masyarakat dan sastera Tamil antara tahun 1953 hingga 2005. Walaupun kajian ini berbentuk sejarah biografi, namun ia juga menyentuh tentang akhbar-akhbar Tamil.

Sementara itu, M.Ramamoorthi<sup>71</sup> pula telah menjalankan kajian tentang sumbangan akhbar *Sangamani* terhadap perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia.

---

<sup>68</sup> Sila lihat Velumoney Sathasivam, 1998-am Andu *Tamil Nesan* Cirukataikal-Or Aivu, Latihan Ilmiah B.A.Hons (Jabatan Pengajian Media), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000.

<sup>69</sup> Sila lihat Rajina Krishnan, Imej Wanita Dalam Kartun Editorial: Satu Kajian Ke Atas Akhbar Berbahasa Tamil,*Tamil Nesan*, Tesis M.A., Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2004 . Kajian ini mendapati wanita masih dipaparkan sebagai golongan subordinan dengan peranan-pernan tradisional kerana masyarakat India dan media berbahasa Tamil masih didominasi oleh ideologi patriaki.

<sup>70</sup> Sila lihat Sellamuthu Kuppo, M.Dhurairaj:Tokoh Wartawan,Sumbangannya Kepada Masykat dan Sastera Tamil,1953-2005, Tesis M.A., Universiti Sains Malaysia,Pulau Pinang, 2008 ; Kajian ini melihat sumbangan seorang wartawan yang bertindak sebagai jurulatih bagi memandu dan memberi bantuan pengalaman dalam kemunculan akhbar baru seperti '*Tamil Malar*' dan '*Payanittalar Kural*' serta kemunculan wartawan dan penulis-penulis muda.

<sup>71</sup> Sila lihat M.Ramamoorthi, Sumbangan Akhbar Mingguan *Sangamani* Terhadap Perkembangan Kesusasteraan Tamil Di Malaysia, 1952-1980, Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010 ; Kajian ini menganalisis peranan akhbar *Sangamani* sebagai tapak semai bagi pengembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia.